

22/09/2000

Pembaharuan sistem pendidikan agama

Amril Norman Nordin

MUNGKIN tiba masanya sistem pendidikan sekolah agama di seluruh negara menyerap dan mempraktikkan secara meluas ilmu sains, di samping meningkatkan pendidikan agama dan masyarakat. Perkara ini dirasakan semakin penting kerana alaf baru yang kita lalui sekarang ternyata kian mencabar intelektual ummah.

Kecanggihan ilmu pengetahuan moden juga mencabar sistem pendidikan agama, khususnya di sekolah agama rakyat di luar bandar. Kepsatan kemajuan teknologi maklumat, dunia tanpa sempadan dan globalisasi serta liberalisasi ekonomi dan pendidikan benar-benar menyentak tempurung minda umat Islam dan menyebabkan sistem pendidikan Islam semakin tersepit dan terhimpit.

Pengasingan sistem pendidikan sedikit sebanyak meninggalkan kesan negatif kepada masyarakat Islam.

Aliran pendidikan kebangsaan seolah-olah meminggirkan aliran agama, begitu juga aliran agama seolah-olah mengkesampingkan aliran kebangsaan.

Jika keadaan ini berterusan, masyarakat Islam di Malaysia akan membentuk pola kebudayaan dan masyarakat yang berbeza dan boleh menjejaskan perpaduan ummah.

Keadaan dipersulit oleh sikap masyarakat Islam yang menganggap ilmu sains, terutama sains angkasa lepas, ilmu bintang, kaji hayat, kehidupan angkasa, peredaran matahari, bulan dan bintang bukan sebahagian daripada ilmu Islam.

Paling malang masyarakat Islam diserang fobia melulu sehingga tidak berani menyemak semula sistem pendidikan agama yang diutarakan oleh intelektual terdahulu.

Justeru, kebanyakan anggota masyarakat Islam hanya menerima pandangan ilmuan terdahulu, walaupun ada antara sistem pendidikan itu yang sudah tidak sesuai dengan zaman ini.

Sebagai contoh, ilmu fikah adalah ilmu mengenai kemasyarakatan yang paling dihormati dan menjadi pegangan seluruh umat Islam. Tetapi ia tidak pernah disemak sejak diasaskan oleh ilmuan kira-kira 1,000 tahun lalu.

Pengamal fikah, khususnya di negara ini bertaklid mendadak kepada empat imam asas - Malik, Syafie, Hambali dan Hanafi. Pendapat dan pandangan keempat-empat imam ini seolah-olah muktamad, tidak boleh dihujah atau disemak semula. Pandangan ini tentulah bertentangan dengan pendapat semua imam itu sendiri yang menganjurkan pengikutnya tidak menerima pandangan mereka secara membuta tuli. Imam Syafie misalnya, mengeluarkan fatwa baru selepas berada di Mesir. Ini kerana beliau berasakan ada antara fatwa lamanya yang tidak sesuai dengan masyarakat setempat.

Seperti diketahui umum, zakat adalah asas ekonomi Islam. Begitu juga membaca adalah kebudayaan yang diwahyu terus oleh Allah kepada Nabi Muhammad saw. (Rujuk surah al-'Alaq, ayat 1-5) dan asas membentuk umat dan hamba yang bertakwa serta berilmu. Tetapi selepas penjajah Barat tamat di negara Islam, membaca seolah-olah tidak lagi menjadi budaya masyarakat.

Penjajahan Barat menyebabkan pemikiran ummah seolah-olah tertutup dan menerima apa saja tinggalan ilmuan terdahulu.

Paling ngeri mereka menjadi umat pengecut, sehingga untuk menilai semula keintelektualan diri merekapun tidak berani. Mereka menjadi pak turut, termasuk menerima apa saja yang disuapkan Barat ke dalam kebudayaan mereka.

Keadaan ini tentulah bertentangan sekali dengan hakikat Islam sebagai

sistem hidup.

Kini sains adalah antara ilmu paling bermanfaat untuk meningkatkan taraf kemanusiaan dan memurnikan hubungan antara hamba dengan Tuhan, pencipta alam. Bagaimanapun, dalam sistem pendidikan ilmu sains diajarkan secara terpisah daripada sistem pendidikan agama. Akibat daripada pemisahan antara ajaran agama dengan sains menyebabkan umat Islam, khususnya bangsa Melayu menjadi bangsa yang lemah dan terpinggir.

Lebih mendukacitakan ada golongan menuduh sains adalah ajaran sekular. Tetapi kepada mereka yang rajin menyelongkar khazanah ilmu dalam al-Quran dan hadis mendapati al-Quran dan hadis mengajak manusia mengkaji cakerawala, kejadian bumi dan langit, perjalanan bulan, bintang dan matahari, ombak dan gempa bumi serta pelbagai lagi.

Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew dalam satu wawancara khas dengan wartawan Berita Harian dan New Straits Times, bulan lalu, menyatakan pendidikan bangsa Melayu dan Islam akan lebih tinggi dan dihormati jika diterapkan dengan pendidikan sains. Lee memuji keberanian masyarakat Melayu Singapura menerapkan ilmu sains (fardu kifayah) dalam kurikulum pendidikan agama Islam).

Beliau berpendapat keseimbangan antara ilmu agama dan teknologi adalah perlu agar masyarakat Melayu (Singapura) tidak terpinggir.

Menurut bekas Perdana Menteri Singapura itu, dunia hari ini memerlukan kepakaran sains dan teknologi dalam semua kerjaya. Pandangan yang sama juga dilontarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Beliau ketika berucap menerima hadiah Kecemerlangan Sepanjang Hayat daripada Persatuan Islam Amerika Syarikat di Chicago, awal bulan ini mengingatkan umat Islam supaya kembali kepada ajaran Islam yang hakiki.

Menurutnya, ajaran Islam tidak mengasingkan diri daripada sains dan teknologi. Al-Quran sebagai wadah ilmu menjelaskan seperti berikut: "Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda kekuasaan Kami di merata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga jelas kepada mereka bahawa al-Quran adalah benar." (Surah al-Fussilat ayat 53).

Dalam ayat lain Allah berfirman: "Apakah mereka tidak perhatikan unta bagaimana ia dijadikan; dan langit bagaimana ia ditinggikan; dan gunung ganang bagaimana ia ditegakkan dan bumi bagaimana ia dihamparkan." (Surah al-Ghasyiyah, ayat 17-20).

Rasulullah pula bersabda: "Kemuliaan dalam ilmu sains adalah penghormatan yang paling tinggi, dan orang yang berilmu (alim) adalah pewaris nabi." (Hadis dipetik dari Miskat).

Selain itu, Rasulullah adalah seorang yang mencintai ilmu pengetahuan dan pembelajaran. (Rujuk Fazlul Rahman, Encyclopaedia of Seerah, jilid 1, halaman 463)

Sesuai dengan pengangkatan baginda sebagai Nabi akhir zaman, Rasulullah juga meminta umatnya menimba ilmu sebanyak mungkin. Sabdanya: "Sesiapa saja meninggalkan rumahnya untuk mencari ilmu pengetahuan pada jalan Allah dan mengembara untuk mencari ilmu pengetahuan, Allah akan menunjukkan jalan baginya ke syurga."

(END)